

BERITA HARIAN, JUMAAT, 13 JANUARI, 1978

## Dr. Mahathir ke Sarawak uruskan soal gaji

MIR, Khamis — Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan melawat Sarawak tidak lama lagi untuk mengemaskan urusan pelaksanaan gaji. Jawatankuasa Kabinet di negeri ini.

Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Yakub berkata di sini hari ini beliau telah mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Dr. Mahathir di Kuala Lumpur mengenai perkara itu awal minggu ini.

"Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu saya bahawa beliau merancang hendak datang ke Sarawak untuk menyelesaikan isu ini," kata Datuk Patinggi Abdul Rahman setibanya di bandar ini untuk menghadiri sambutan hari jadinya yang ke 50.

Ketua Menteri berkata kedatangan Datuk Seri Dr. Mahathir akan membolehkan pegawai-pegawai kerajaan negeri menyelesaikan beberapa persoalan yang tergantung mengenai pelaksanaan laporan itu.

Timbalan Perdana Menteri juga dijangka akan menemui pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja.